

D.R. 6/2013

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-Undang 1976.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2013.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa—

- (a) peruntukan yang berlainan dalam Akta ini; atau
- (b) semua atau peruntukan yang berlainan dalam Akta ini berkenaan dengan kelas atau kategori orang yang berlainan.

Seksyen baru 37A

2. Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 37 seksyen yang berikut:

“Seksyen 36 dan 37 tidak terpakai bagi prosiding timbang tara

37A. (1) Seksyen 36 dan 37 tidaklah terpakai bagi—

- (a) mana-mana penimbang tara yang bertindak secara sah dalam mana-mana prosiding timbang tara;
- (b) mana-mana orang yang mewakili mana-mana pihak dalam prosiding timbang tara; atau
- (c) mana-mana orang yang memberikan nasihat, menyediakan dokumen dan memberikan apa-apa bantuan lain berhubung dengan atau berbangkit daripada prosiding timbang tara kecuali prosiding mahkamah yang berbangkit daripada prosiding timbang tara.

(2) Dalam seksyen ini, “prosiding timbang tara” ertiya prosiding dalam suatu timbang tara yang tertakluk kepada Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*] atau sepatutnya tertakluk kepada Akta itu jika tempat timbang tara itu ialah Malaysia.”.

Pindaan seksyen 38

3. Seksyen 38 Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan (1)(f).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Profesion Undang-Undang 1976 (“Akta 166”).

2. *Fasal 1* mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 37A ke dalam Akta 166. Seksyen baru 37A bermaksud untuk mengeluarkan dengan nyata perkara timbang tara daripada skop Akta 166. Selanjutnya, seksyen baru 37A bertujuan untuk mengecualikan secara khusus orang yang terlibat dalam prosiding timbang tara, termasuklah peguam asing yang memasuki Malaysia secara terbang masuk dan keluar untuk mewakili pihak-pihak dalam prosiding timbang tara, daripada pemakaian Akta 166.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 166. Ini untuk membuang sebutan tentang prosiding timbang tara di bawah perenggan (1)(f) daripada skop seksyen 38 supaya larangan di bawah seksyen 37 Akta 166 tidak terpakai bagi prosiding timbang tara. Selanjutnya, pemotongan perenggan (1)(f) adalah selaras dengan seksyen baru 37A yang memperuntukkan secara khusus bahawa larangan di bawah seksyen 36 dan 37 Akta 166 tidaklah terpakai bagi prosiding timbang tara.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2892]